

Perbezaan pendapat biasa dalam Islam

KUALA LUMPUR 8 Jun - Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdullah Md. Zin berkata, perbezaan pendapat dalam pentadbiran merupakan satu kebiasaan dalam Islam.

Menurutnya, Islam tidak menghalang perkara itu daripada berlaku tetapi keputusan akhir terhadap sesuatu isu yang timbul adalah bergantung kepada suara majoriti.

Sebagai contoh, katanya, pada zaman pemerintahan Saidina Abu Bakar As-Siddiq, berlaku perbezaan pendapat antara beliau dengan Saidina Umar al-Khattab.

Ujarnya, isu yang timbul pada zaman itu ialah berhubung penulisan ayat-ayat al-Quran ekoran ramai di kalangan penghafaz kitab suci itu syahid di medan perang.

"Saidina Abu Bakar meminta ayat al-Quran ditulis berikutan ramai penghafaz al-Quran syahid ketika berperang dengan golongan murtad serta puak yang enggan membayar zakat.

"Namun begitu cadangan tersebut telah ditentang oleh Saidina Umar. Akhirnya cadangan ini diterima selepas ia mendapat sokongan penuh daripada golongan sahabat. Saidina Umar akhirnya akur dengan keputusan tersebut," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas majlis perasmian skim anugerah kecemerlangan pelajar miskin dan anak yatim nasional (Santun) anjuran Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM), di sini hari ini.

Abdullah mengulas kritikan Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap kerajaan dengan mendakwa ia telah melanggar janji untuk meneruskan keputusan yang telah dibuat oleh pentadbiran yang dipimpinnya sebelum ini.

Bekas Perdana Menteri itu secara terang-terangan meluahkan segalanya mengenai hubungannya yang agak tidak sekata dengan Kerajaan sekarang yang berpunca daripada beberapa isu penting termasuk pembatalan cadangan projek pembinaan sebuah jambatan bagi menggantikan Tambak Johor yang menghubungkan Malaysia dan Singapura.

Pada sidang akhbar semalam, beliau melahirkan rasa kecewa kerana banyak keputusan yang dibuat semasa pentadbirannya dibatalkan.

Abdullah berkata, rakyat mempunyai hak untuk memberi nasihat atau teguran kepada pemerintah.

Beliau, bagaimanapun menegaskan bahawa perkara tersebut perlu dilakukan dengan penuh beradab supaya ia tidak menjejaskan hubungan antara pemerintah dan rakyat.

Tambahnya, ia bukanlah satu yang asing di dalam Islam malah perkara yang sama pernah berlaku pada zaman pemerintahan kerajaan Islam sebelum ini.

"Islam sendiri bersifat nasihat. Tidak salah rakyat memberi nasihat kepada pemerintah asalkan pandangan yang diberikan berbentuk membina dan kata-kata yang digunakan hendaklah sopan," katanya.